Abd Talib bin Bakri lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05(H)-455–09 TAHUN 2018
KAMARDIN HASHIM, MOHAMAD ZABIDIN DAN VAZEER ALAM HHMR
15 NOVEMBER 2019

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Perayu dituduh memiliki dadah berbahaya di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Perayu mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara dan sebatan — Sama ada hukuman terlampau berlebihan — Sama ada pertuduhan wajar merangkumi campuran kedua-dua jenis dadah berbahaya — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2) & 39A(2)(d)

Perayu dan seorang lagi tertuduh, Siti Nurasia, pada asalnya telah dipertuduhkan dengan satu kesalahan memperedarkan dadah berbahaya dan empat lagi pertuduhan bagi kesalahan memiliki dadah-dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Pertuduhan terhadap Siti Nurasia kemudiannya telah ditarik balik oleh pihak pendakwaan. Hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') telah memerintahkan Siti Nurasia dilepas tanpa dibebaskan atas semua pertuduhan. Berikutan representasi daripada perayu, pihak pendakwaan telah menawarkan satu pertuduhan pilihan bagi pertuduhan pertama kepada perayu. Perayu telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan yang ditawarkan kepadanya serta terhadap empat pertuduhan yang lain. Hakim bicara menjatuhkan hukuman 14 tahun penjara dan sepuluh sebatan rotan bagi pertuduhan pilihan pertama, 11 tahun penjara dan sepuluh sebatan rotan bagi pertuduhan kedua, dua tahun penjara bagi pertuduhan ketiga, satu tahun penjara bagi pertuduhan keempat dan satu tahun penjara bagi pertuduhan kelima. Perayu telah tidak berpuas hati terhadap hukuman bagi pertuduhan pilihan pertama dan pertuduhan kedua, oleh itu rayuan ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu:

(1) Sewajarnya pertuduhan pilihan pertama merangkumi campuran kedua-dua jenis dadah berbahaya heroin dan monoacetylmorphines. Perkara ini boleh dilakukan melalui peruntukan di bawah s 39A(2)(d) Akta. Jika ini gagal dilakukan oleh pihak pendakwaan, adalah dikhuatiri bahawa telah berlakunya satu pencabulan terhadap hak kesamarataan seperti yang termaktub di bawah perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan (lihat perenggan 11).

(2) Sabitan dan hukuman terhadap perayu oleh hakim bicara atas pertuduhan kedua diketepikan. Sabitan terhadap perayu atas pertuduhan pilihan pertama seperti terpinda dikekalkan. Hukuman terhadap perayu oleh hakim bicara dikekalkan kecuali hukuman bagi pertuduhan kedua yang telah ditarik balik dan dibatalkan hendaklah diketepikan. Semua hukuman kekal berjalan serentak seperti diperintahkan oleh hakim bicara berkuat kuasa mulai tarikh perayu ditangkap. Perayu perlu menjalani hukuman selama 14 tahun dan sepuluh sebatan rotan (lihat perenggan 14).

[English summary

The appellant and another accused, Siti Nurasia, were initially charged with one offence of trafficking dangerous drugs and four more charges for possession of dangerous drugs under the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). The charge against Siti Nurasia was later withdrawn by the prosecution. The High Court judge ('the trial judge') ordered Siti Nurasia to be discharged not amounting to an acquittal on all charges. Following the representation from the appellant, the prosecution had offered an alternative charge for the first charge to the appellant. The appellant had pleaded guilty to the alternative charge offered to him and four other charges. The trial judge sentenced him to 14 years in prison and ten strokes of rotan for the first charge, 11 years in prison and ten strokes of rotan for the second charge, two years in prison for the third charge, one year in prison for the fourth charge and one year in prison for the fifth charge. The appellant was dissatisfied with the sentence for the first alternative charge and second charge, hence the appeal.

Held, allowing the appellant's appeal:

(1) Accordingly the first alternative charge included a combination of the two types of dangerous drugs heroin and monoacetylmorphines. This could have been done through the provision of s 39A(2)(d) of the Act. If this was not done by the prosecution, it was of concern that there had been an infringement on the rights of equality as provided for in art 8(1) of the Federal Constitution (see para 11).

(2) The conviction and sentence by the trial judge on the second charge were dismissed. The conviction against the appellant on the amended first alternative charge was affirmed. The sentence against the appellant by the trial judge was affirmed except the sentence for the second charge that was withdrawn and struck off should be set aside. All sentences remain to run concurrently as ordered by the trial judge with effect from the date the appellant was arrested. The appellant must serve his sentence of imprisonment for 14 years and ten strokes of rotan (see para 14).]

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39A(2)(d)
Perlembagaan Persekutuan perkara 8(1)

KA Ramu (KA Ramu, Vasanthi & Assoc) bagi pihak perayu.
Mohd Zain Ibrahim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu dan seorang lagi tertuduh, Siti Nurasia, pada asalnya telah dipertuduhkan dengan satu kesalahan memperedarkan dadah berbahaya dan empat lagi pertuduhan bagi kesalahan memiliki dadah-dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Lima pertuduhan asal terhadap perayu adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu sejumlah berat bersih 24.01 gram heroin, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu sejumlah berat bersih 5.18 gram monoacetylmorphines, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu sejumlah berat bersih 4.21 gram methamphetamine, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

Pertuduhan Keempat

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu sejumlah berat bersih 0.94 gram nimetazepam, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

Pertuduhan Kelima

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu sejumlah berat bersih 0.22 gram methamphetamine, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

[2] Pertuduhan terhadap Siti Nurasia kemudiannya telah ditarik balik oleh pihak pendakwaan atas alasan izin pendakwaan tidak pernah dikeluarkan oleh timbalan pendakwa raya terhadap tertuduh itu. Hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') telah memerintahkan Siti Nurasia dilepas tanpa dibebaskan ('DNAA') atas semua pertuduhan. Pendakwaan diteruskan hanya terhadap perayu seorang sahaja.

[3] Berikutan representasi daripada perayu, pihak pendakwaan telah menawarkan satu pertuduhan pilihan bagi pertuduhan pertama kepada perayu. Pertuduhan pilihan itu adalah seperti berikut:

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu sejumlah berat bersih 24.01 gram heroin, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

[4] Perayu telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan yang ditawarkan kepadanya. Perayu turut mengaku bersalah terhadap empat pertuduhan yang lain. Setelah mendengar pihak-pihak, hakim menjatuhkan hukuman seperti berikut ke atas perayu:

(a) pertuduhan pilihan pertama — 14 tahun penjara dan sepuluh sebatan rotan;

(b) pertuduhan kedua — 11 tahun penjara dan sepuluh sebatan rotan;

(c) pertuduhan ketiga — dua tahun penjara;

(d) pertuduhan keempat — satu tahun penjara; dan

(e) pertuduhan kelima — satu tahun penjara.

Semua hukuman pemenjaraan diperintahkan berjalan secara serentak bermula dari tarikh perayu ditangkap (11 Ogos 2017).

[5] Perayu telah tidak berpuas hati terhadap hukuman bagi pertuduhan pilihan pertama dan pertuduhan kedua, memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

Kami telah mendengar rayuan perayu pada 25 Oktober 2019 dan kami telah membenarkan rayuan perayu. Kami sekarang memberikan alasan-alasan membenarkan rayuan perayu.

FAKTA KES

[6] Fakta kes telah dibentangkan oleh pihak pendakwaan seperti dalam eksh P5 dan telah diakui benar oleh perayu, adalah seperti berikut:

(a) Pada 11.8.2017 jam lebih kurang 7.10 pagi, Pengadu iaitu Insp Mohd Fikri Bin Ab Karim dan pasukan dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Kota Tinggi telah buat serbuan di sebuah rumah di alamat nombor 350A, Felda Bukit Aping Timur, 81900 Kota Tinggi, Johor. Setelah sampai di rumah tersebut, Pengadu telah mengetuk pintu rumah sambil memanggil penghuni rumah lalu pintu dibuka oleh satu lelaki Melayu yang dikenali sebagai Abd Talib Bin Bakri iaitu Tertuduh.

(b) Pengadu telah memperkenalkan diri sebagai pegawai polis dan masuk ke dalam rumah tersebut. Tertuduh menunjukkan bilik tidurnya iaitu bilik pertama sebelah kiri rumah tempat kejadian. Di dalam bilik tersebut terdapat seorang perempuan warganegara Indonesia yang dikenali sebagai Siti Nurasia. Pengadu sekali lagi memperkenalkan diri sebagai pegawai polis kepada perempuan tersebut. Hasil pemeriksaan badan Tertuduh tidak menjumpai apa-apa barang salah.

(c) Kemudian, Pengadu membuat pemeriksaan lanjut di dalam bilik tersebut dan telah menjumpai 1 beg berzip corak bendera USA yang mengandungi satu kotak rokok Dunhill di atas meja bilik tempat kejadian. Di dalam kotak rokok tersebut mengandungi 1 peket plastik lut sinar dan 1 tiub straw plastik berisi bahan disyaki dadah syabu. Turut dijumpai di dalam beg tersebut ialah kad akaun bank BSN atas nama Tertuduh.

(d) Seterusnya, Pengadu dan pasukan membuat pemeriksaan lanjut di bahagian dapur rumah tersebut dan telah menjumpai satu periuk pembakar berwarna perak di atas kabinet dapur rumah tempat kejadian. Di dalam dapur tersebut mengandungi 1 plastik warna ungu bertulis TERIMA KASIH yang mengandungi 3 peket plastik berwarna perak mengandungi bahan disyaki dadah jenis heroin. Turut dijumpai di dalam periuk tersebut ialah 1 beg kain berzip berwarna hitam yang mengandungi 1 peket plastik berwarna perak yang mengandungi bahan disyaki dadah jenis heroin dan 1 peket plastik lut sinar berisi bahan disyaki dadah jenis Syabu serta 11 keratan kerajang aluminium berwarna merah/perak mengandungi 104 biji pil disyaki jenis Eramin 5. Turut dirampas ialah sebuah alat penimbang digital bertulis CONSTANT di dalam periuk tersebut.

(e) Pengadu membuat rampasan dan tangkapan terhadap Tertuduh dan isterinya, Siti Nurasia. Pengadu telah membuat laporan polis sepertimana report KLSedeli 1005-1007/17 dan borang bongkar dikeluarkan hasil dari rampasan tersebut.

(f) Barang kes dan tangkapan dibawa ke Pejabat Narkotik IPD Kota Tinggi dan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat, Insp Shahrizan Bin Jaafar.

(g) Barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Johor dan hasil analisa mendapati barang kes yang dirampas mengandungi dadah jenis berikut:

(i) 24.01g heroin;

(ii) 5.18g monoacetylmorphines;

(iii) 4.21g methamphetamine;

(iv) 0.94g nimetazepam.

(h) Dadah-dadah jenis methamphetamine, nimetazepam, heroin dan monoacetylmorphines adalah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

(i) Tertuduh mengaku berada dalam milikan dan pengetahuan semua jenis dadah yang dirampas dan telah melakukan kesalahan yang dipertuduhkan tersebut.

[7] Di hadapan kami, peguam bela terpelajar bagi perayu telah menghujahkan bahawa hakim bicara telah gagal memberikan sebarang pertimbangan terhadap faktor-faktor mitigasi oleh perayu. Faktor-faktor mitigasi perayu telah dihujahkan berdasarkan kepada fakta berikut:

(a) perayu telah mengaku bersalah terhadap kesemua lima pertuduhan sebaik sahaja pertuduhan pilihan ditawarkan kepadanya;

(b) dengan mengaku bersalah, perayu telah dapat menjimatkan masa satu perbicaraan yang panjang;

(c) dengan mengaku bersalah juga telah dapat mengurangkan kos pendakwaan;

(d) perayu penafkah utama keluarganya yang terdiri dari seorang isteri dan dua orang anak berusia sembilan tahun dan 13 tahun yang masih di bangku sekolah; dan

(e) perayu bekerja sebagai pemotong kelapa sawit dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1,000.

[8] Peguam bela turut menghujahkan bahawa walaupun hukuman pemenjaraan diperintahkan oleh hakim bicara berjalan serentak sejak tarikh perayu ditangkap, hukuman pemenjaraan berjumlah 14 tahun (serentak) dan 20 sebatan rotan masih terlampau berlebihan (*manifestly excessive*) terhadap perayu terutamanya hukuman sebatan.

[9] Tuan timbalan pendakwa raya menentang rayuan perayu untuk mengurangkan hukuman dengan bergantung kepada trend hukuman semasa yang berikut dan menghujahkan bahawa hukuman oleh hakim bicara tidak terlampau berlebihan dan wajar dikekalkan.

PLEAD GUILTY

Section 39A(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 heroin/monoacetylmorphines:

Case	Facts of the case/Date of decision	Weight/Types of drugs	Sentence	Date of Offence
1. Suhardi Idris v PP (05–11–01/15 (B)) (unreported), FC, 27 July 15		70.4 grammes (48.6g heroin + 21.8g Monoacethylmorphines)	15 years + strokes	
2. PP v Ahmad Khairol bin Affandi & 1 lagi (A–05(S)-112 –04/2015) (unreported), CA, 15 September 2015	- PG to alternative charge - Drugs found in a backpack of both R	28.9 grammes (12.8g heroin + 16.8g Monoacethylmorphines	HC: 8 years + 10 strokes COA: 12 years + 10 strokes	8 May 2014
3. PP v Nadaraja Rajoo [2015] 3 CLJ 37, CA		32.4 grammes (27.3g heroin + 5.1g monoacetylmorphines)	HC: 9 years + 10 strokes (affirmed by COA) (affirmed by FC on 25 June 2015)	

4. Mohd Nazri bin Mansor v PP (J-05–19–02 /2014) (unreported), CA, 18 September 2014	- PG to alternative charge at HC - The drugs found in the app's room - The app appeal against sentence	1. 25.7g heroin + monoacetylmorphines 2. 0.11g nimetazepam 3. 8.7g methamphetamine	1. 15 tahun penjara + 10 sebatan 2. 6 bulan penjara 3. 3 tahun penjara	6 March 2013
5.Moses Dominic v PP (A-05(S)-247 -10/2012) (unreported), CA, 15 January 2014	- PG to alternative charge - Drugs were found with respondent - HC: 18 years and 10 strokes - respondent's appeal against sentence dismissed by COA - COA affirmed the sentence by HC	133.7 grams of heroin + monoacetylmorphines	18 years imprisonment + 10 strokes	14 July 2011
6. PP v Arif Saidin 05(S)-261–10 /2012 (unreported), CA, 14 August 2013	- PG to alternative charge - Drugs were found in a special compartment in R's car. - HC: 8 years - COA allowed the PP's appeal. - Sentence was enhanced to 18 years + 10 strokes.	17.09 grams of heroin monoacetylmorphines	18 years imprisonment + 10 strokes	5 April 2011

7. PP v Ooi Teng Chian [2006] 1 MLJ 213	- PG, 1st offender. - HC amended the charge to s. 39A(2) and sentence to 9 years. - COA allowed PP's appeal on sentence	149.6g of heroin and 35.77g of monoacetylmorphines (> 37 times minimum weight)	15 years imprisonment + 10 strokes	
8. Ang Chai Seng v PP [2000] 2 MLJ 35	- Accused PG - Accused's appeal against sentence dismissed by CA	81.4g monoacetylmorphines (of > 16 times the minimum weight)	18 years imprisonment + 10 strokes	
9. Teoh Chin Hwa v PP [2000] 1 MLJ 687	- Accused PG - Accused's appeal against sentence dismissed by CA	156.3g of monoacetyl-morphines (or > 31 times the minimum weight)	18 years imprisonment + 10 strokes	
10.PP v Zainal Tahir [2006] 7 CLJ 426, HC	- Accused PG on alternative charge.	Heroin seberat 30.96 gram	15 years imprisonment + 10 strokes	13 March 2001

[10] Setelah menyemak rekod rayuan, kami mendapati bahawa dadah berbahaya yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan pilihan pertama adalah dadah berbahaya jenis heroin dan hal perkara dalam pertuduhan kedua adalah dadah berbahaya jenis monoacetylmorphines berada dalam kumpulan dadah berbahaya yang sama iaitu 'heroin base'. Oleh itu kami telah menimbulkan persoalan mengapakah dua jenis dadah berbahaya tersebut yang berdasarkan kepada fakta kes (P5) dan juga laporan kimia (P7) adalah ditemui dari dalam satu peket plastik berwarna perak dan tiga peket berwarna perak yang sama yang masing-masing berisi bahan serbuk dan butiran berwarna putih. Setelah dianalisis bahan serbuk dan butiran berwarna putih tersebut mengandungi sejumlah berat 24.01g heroin dan 5.18g monoacetylmorphines.

[11] Berdasarkan kepada fakta penemuan dua jenis dadah berbahaya heroin dan monoacetylmorphines tersebut pada masa yang sama dari tempat yang sama dan dalam peket-peket yang sama, sewajarnya pertuduhan pilihan pertama merangkumi campuran kedua-dua jenis dadah berbahaya tersebut sepertimana kebiasaan dilakukan oleh pihak pendakwaan dalam kes-kes yang lain. Perkara ini boleh dilakukan melalui peruntukan di bawah s 39A(2)(d)

Akta. Jika ini gagal dilakukan oleh pihak pendakwaan, adalah dikhuatiri bahawa telah berlakunya satu pencabulan terhadap hak kesamarataan seperti yang termaktub di bawah perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

8(1) All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law.

[12] Menyedari akan implikasi perundangan yang kami timbulkan, Tuan TPR telah bersetuju untuk meminda pertuduhan pilihan pertama dan menarik balik pertuduhan kedua terhadap perayu dan ini telah dipersetujui oleh perayu untuk tidak meneruskan rayuannya untuk mengurangkan hukuman pemenjaraan. Pertuduhan pilihan pertama seperti dipinda oleh Tuan TPR berbunyi seperti berikut:

Bahawa kamu pada 11 Ogos 2017 jam lebih kurang 7.10 pagi bertempat di alamat No. 350A, Felda Bukit Aping Timur dalam Daerah Kota Tinggi, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya seberat 29.19 gram (campuran heroin 24.01 gram dan monoacetylmorphines 5.18 gram), dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

[13] Tindakan ini bertepatan dengan peruntukan di bawah s 39A(2)(d) Akta yang menyebutkan seperti berikut:

39A(2) Every person found guilty of an offence against this Act where the offence is not punishable with death and where the subject matter of the offence is —

(d) a total of 5 grammes or more in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphines or a total of 5 grammes or more in weight of any two of the said dangerous drugs;

shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years, and shall also be punished with whipping of not less than ten strokes.

[14] Atas alasan-alasan yang kami sebutkan di atas, kami telah membenarkan sebahagian rayuan perayu. Sabitan dan hukuman terhadap perayu oleh hakim bicara atas pertuduhan kedua diketepikan. Sabitan terhadap perayu atas pertuduhan pilihan pertama seperti terpinda dikekalkan. Hukuman terhadap perayu oleh hakim bicara dikekalkan kecuali hukuman bagi pertuduhan kedua yang telah ditarik balik dan dibatalkan hendaklah diketepikan. Semua hukuman kekal berjalan serentak seperti diperintahkan oleh hakim bicara berkuat kuasa mulai tarikh perayu ditangkap. Perayu perlu menjalani hukuman selama 14 tahun dan sepuluh sebatan rotan.

Rayuan perayu dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh